

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PERLETAKAN BATU ASAS TUGU PERINGATAN
DI KOTA KINABALU, SABAH, PADA 22HB JUN,
1971

Y.A.B. Tun Datu Mustapha,¹ Ahli-ahli Yang Berhormat, Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya amat bersukacita dapat hadir bersama-sama pada upacara yang gilang-gemilang pagi ini. Bercakap berkenaan diri saya sendiri, saya merasa bertuah dan menganggap adalah satu penghormatan besar bagi saya meletakkan batu asas Tugu Peringatan yang mengabdikan penganjur serta pemimpin kita, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, di negeri Sabah ini.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Y.A.B. Tun Datu Mustapha sebentar tadi, dan sama-sama pula kita akui, Tunku adalah orang yang mula-mula mencetuskan idea Malaysia pada tahun 1961 dan berusaha sedaya-upaya mewujudkannya hingga menjadi negara yang terkenal hari ini. Pendek kata, beliaulah "architect of Malaysia". Oleh kerana itu amatlah kena pada tempatnya bahawa Kerajaan dan rakyat Sabah mendirikan Tugu Peringatan ini sebagai persembahan yang mengekalkan namanya untuk zaman-berzaman.

Tuan-tuan sekalian,

Sempena hari ini, marilah kita bersama-sama mengenang jasa dan bakti Tunku yang begitu besar terhadap negara Malaysia yang kita kasihi ini. Saya rasa tidaklah dapat kita memberi nilai kepada jasa dan sumbangan Tunku sebagai patriot dan nationalist, yang hanya akan dicatitkan dengan tinta emas dalam sejarah tanah air kita. Tidak siapa yang dapat menyangkal sekian banyak pengorbanan yang telah diberikan oleh Tunku dalam perjuangan menegakkan satu bangsa dan negara yang berdaulat dan merdeka. Bahkan semuanya ini dihargai penuh dan disanjung tinggi oleh rakyat, untuk diingati selama-lamanya.

Belum begitu lama dahulu kita sama-sama bersedih kerana beliau mengambil keputusan untuk bersara. Tetapi Tunku masih terus

¹ **Ketua Menteri Sabah.**

menyumbangkan tenaganya di lapangan lain yang mana turut mengharumkan nama Malaysia di sisi dunia. Marilah kita berdoa ke hadrat Tuhan supaya mencurahkan taufik dan hidayat kepada Tunku.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sambil kita mengingatkan jasa Penganjur kita dan pengasas Negara kita, marilah kita berikrar membaharui azam untuk membina Negara Malaysia yang kuat, maju dan bersatu padu. Inilah sebaik-baik khidmat bakti yang dapat kita tunjukkan sebagai tanda penghormatan dan didikasi kita kepada cita-cita dan hasrat beliau hendak mendirikan negara Malaysia yang makmur dan bahagia.

Pendek kata, semasa mengenangi jasa-jasa dan sumbangan Tunku kepada negara, kita hendaklah menunjukkan keazaman yang kuat dan semangat didikasi yang teguh dalam melaksanakan usaha-usaha yang dimulakan olehnya sehingga berjaya dengan sempurna. Segala-galanya akan menjadi hancur-lebur dan sia-sia saja jika kita gagal menyambung usaha-usaha yang baik itu. Sebaliknya kejayaan kita melanjutkan usaha-usaha itu akan merupakan khidmat bakti yang tidak ternilai, mengenang nama pemimpin yang kita kasihi itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sejarah negara Malaysia di abad moden ini baru saja bermula, belum pun mencapai satu jenarasi. Tetapi kita dapat bermegah dengan adanya penganjur dan pemimpin seperti Tunku memulakan lembaran sejarah negara, yang mana diharap akan menjadi tauladan dan inspirasi kepada keturunan kita akan datang.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Sabah di bawah pimpinan Y.A.B. Tun Datu Mustapha atas rasa penghormatan dan kemurahan hati mendirikan Tugu Peringatan ini. Melihat pada keadaan di Sabah, nyatalah bahawa hasrat dan cita-cita Tunku sudah tercapai kerana rakyat di sini berkat pimpinan yang tegas dan dinamis dari Y.A.B. Tun serta rakan-rakannya sudah bersatu, hidup dalam suasana harmoni dan muhibbah. Bagaimanapun, semangat perpaduan ini masih perlu dipupuk dan ditingkatkan terutama dalam menghadapi cabaran-cabaran masa depan kelak.

Saya yakin Sabah mempunyai hari depan yang cemerlang, dan saya percaya rakyat Sabah akan berdiri kukuh di belakang pemimpin-pemimpin mereka, memberikan sokongan dan kerjasama dalam segala usaha meninggikan taraf hidup rakyat bagi mencapai tingkatan ekonomi dan sosial yang setanding dengan masyarakat negara-negara yang maju.

Sekianlah sahaja, saya mengucapkan berbanyak terima kasih.